

16) INSURANS PANGSAPURI KOS RENDAH

Adun : Y.B. Datuk Wira Johan Bin Abd Aziz (Dusun Tua)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Adakah cadangan dari Kerajaan Negeri untuk membuka semula program insurans pangsapuri kos rendah dalam masa terdekat?**

Buat masa ini, tiada cadangan daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk membuka semula program insurans bagi pangsapuri kos rendah dalam masa terdekat. Hal ini kerana, mengikut peruntukan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757), adalah menjadi tanggungjawab Badan Pengurusan iaitu Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) atau Subsidiari MC untuk mengambil polisi insurans bagi keseluruhan bangunan.

Mengikut Subseksyen 93(1) Akta tersebut, JMB/MC/Subsidiari MC adalah diwajibkan untuk membeli insurans perlindungan kerosakan bangunan bagi melindungi harta bersama. Seterusnya, di bawah Subseksyen 94(1), setiap pemilik petak pula diwajibkan membayar bahagian premium insurans masing-masing kepada badan pengurusan yang berkenaan.

Memandangkan kos premium insurans tahunan adalah tinggi, dan menimbulkan beban tambahan kepada Kerajaan sekiranya ditanggung sepenuhnya, Kerajaan Negeri pada masa ini lebih memfokuskan kepada bantuan baik pulih melalui Skim CERIA dan inisiatif lain yang memberi kesan langsung kepada keselamatan dan keselesaan penghuni.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan terus menilai keperluan semasa dari semasa ke semasa, termasuk kebolehlaksanaan pendekatan alternatif sekiranya terdapat justifikasi dan keperluan mendesak.